

# Sinar Harian 24/3/21 **Sasar 280,000** benih udang galah, ikan dilepaskan

m/s 26

**JASIN** - Sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan disasarkan dilepaskan ke sungai di Melaka tahun ini bagi mengekalkan kelestarian sumber itu.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, usaha itu bukan sahaja dapat memelihara sumber perikanan darat malah salah satu inisiatif membangunkan pelancongan berasaskan rekreasi perikanan selain membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

Menurutnya, daripada jumlah itu 100,000 benih udang galah akan dilepaskan ke Sungai Kesang, Jasin kerana tempoh matang bagi benih spesies itu mengambil masa antara lima hingga enam bulan sebelum dapat dinikmati hasilnya.

"Bagaimanapun kita merayu kepada nelayan untuk tidak menggunakan jala tetapi hanya

pancing sahaja.

"Ini supaya hidupan ini tidak terancam dan boleh menjana pendapatan nelayan darat," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan elaun sara hidup kepada nelayan darat serta bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akukultur di Sungai Rambai di sini pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Ahmad yang juga Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I berkata, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan negeri memperuntukkan RM211,400 untuk menyalurkan bantuan berupa peralatan akuakultur, makanan



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan sistem penyampai dan khidmat sokongan (SPeKS) akukultur kepada salah seorang penerima pada program itu.

ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang kepada seramai sembilan penternak.

Menurutnya, pemberian itu sebagai galakan kepada penerima secara tidak langsung dapat

memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi Melaka yang menyasarkan 6,790 tan metrik bagi tahun 2021.

"Diharap kita dapat membantu golongan ini terus berdaya saing dalam bidang akuakultur dan memastikan bekalan seperti ikan dan udang sentiasa mencukupi," katanya.